

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN KALI KE-3

Oleh: Asniah Udin

Unit Pengurusan dan Hal Ehwal Masjid UMS berserta dengan Exco Kerohanian, Sahsiah dan Moral (EKSAHMO) PERMADIK SPPS Sesi 2009/2010 sekali lagi berganding bahu menganjurkan program Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) Kali Ke - II pada tahun ini. MTQ ini telah berlangsung selama tiga malam bermula pada 8 April 2010 sehingga 10 April 2010 di Dewan Kuliah Pusat 1 pada pukul 7.00 malam sehingga 11.00 malam. Pengarah MTQ pada tahun ini ialah Saudara Rudi Bin Saripuddin dan penyelar program ialah En. Muhamad Suhaimi bin Taat. Seramai 24 orang peserta yang terdiri daripada qari & qariah setiap sekolah di UMS menyertai MTQ pada kali ini. Objektif penganjuran MTQ ini ialah untuk menerapkan nilai-nilai penghayatan mahasiswa/i terhadap keindahan Islam dan Al-Quran dan menggalakkan penglibatan mahasiswa/i Universiti Malaysia Sabah dalam aktiviti berorganisasi dan seterusnya dapat membentuk kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa/i.

Majlis penutupan telah dirasmikan oleh Al Fadhil Ustaz Israaq (Unit Pengurusan dan Hal Ehwal Masjid UMS / wakil kepada Naib Canselor UMS). Pemenang bagi Qari dimenangi oleh peserta daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) manakala pemenang bagi Qariah pula telah dimenangi oleh pelajar daripada SPPS sendiri. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ustaz Israaq. Pada malam tersebut sebanyak dua buah sekolah datang sebagai jempunan daripada SPPS bagi memeriahkan majlis iaitu daripada Politeknik Kota Kinabalu dan SMKAI Toh Puan Hajah Rahmah Sembulan, Kota Kinabalu.

